

Sistem Suria: Panti Kehidupan Alam Semesta

written by Hazrul | 17/07/2023

Kapal angkasa Pioneer 10 dan Pioneer 11 membawa plak logam kecil sebagai tanda pengenalan diri dari Bumi.

Plak logam kecil bertujuan membolehkan pengembara/kapal angkasa lain untuk merujuk plak logam tersebut sekiranya kapal-kapal angkasa tersebut ditemui.

Plak logam yang diperbuat daripada emas ini ialah cetusan idea Carl Sagan (ahli astronomi Amerika Syarikat)

yang mahukan mana-mana tamadun asing yang berkemungkinan akan menemui kedua-dua kapal angkasa itu

untuk mengetahui peradaban yang telah menciptanya dan bagaimana untuk menghubungi mereka.

Sumber: NASA, diterbitkan pada: 13 Februari, 2018.

Sistem Suria terdiri daripada sebutir bintang, lapan buah planet serta jasad cakerawala yang lebih kecil seperti planet kerdil, asteroid, dan komet. Sistem Suria mengorbit pusat galaksi Bima Sakti dengan kelajuan kira-kira 515,000 batu sejam (828,000 kilometer sejam).

Sistem Suria terletak di salah satu daripada empat lengan lingkaran galaksi [Bima Sakti](#). Perjalanan yang panjang perlu ditempuhi oleh Sistem Solar untuk melengkapkan satu putaran mengelilingi galaksi Bima Sakti, iaitu kira-kira 230 juta tahun.

Sistem Suria merupakan sebuah ruang yang tidak mempunyai atmosfera tetapi ia mengandungi beberapa buah planet, termasuklah Bumi - yang mempunyai pelbagai jenis atmosfera.

Setakat ini, Sistem Suria adalah satu-satunya tempat yang mampu menyokong kehidupan. Namun itu, kita masih menjalankan pencarian kehidupan lain di dalam dan luar sistem suria.

Setakat ini, hanya kapal angkasa [Voyager 1 dan Voyager 2](#) yang telah meninggalkan Sistem Suria ini. Tiga kapal angkasa yang lain, iaitu [Pioneer 10](#), [Pioneer 11](#), dan [New Horizons](#) bakal meninggalkan lingkungan Sistem Suria untuk mengikuti jejak langkah [Voyager 1 dan Voyager 2](#).

Versi Bahasa Inggeris bagi artikel ini boleh didapati di laman web [NASA](#), Solar System Exploration Our Galactic Neighbourhood, 10 Need-to-Know Things About the Solar System

Disediakan oleh:

Rashid Ating

Penyelidik di Jabatan Ekonomi

Fakulti Perniagaan dan Ekonomi dan

Institut Pengajian Termaju (IAS)

Universiti Malaya